

## MENYINGKAP KEDIKTATORAN MODERN

Firdaus

*“Ia yang tidak ingin membicarakan kapitalisme juga akan menutup mulut mengenai fasisme”*

– Horkheimer

### **Pendahuluan**

Fasisme, diktator, kuku besi, pemusatan kuasa, dominasi dan segala macam kuasa absolut menjadi musuh utama oleh sebilangan kelompok masyarakat. Fenomena ini terlihat apabila lahirnya kelompok melawan, yang melawan segala kemapanan dalam masyarakat. Punk misalnya, melawan dominasi syarikat muzik arus perdana yang menguasai pasaran – seterusnya meletakkan Punk sebagai budaya melawan segala macam hegemoni yang lahir dalam sistem kapitalisme. Hijabster, contoh kelompok yang juga hadir dengan semangat melawan (dalam waktu yang sama mempertahankan nilai lokal). Kelompok perempuan yang berhijab ini cuba melawan dunia fesyen yang tidak Islami dan memberikan alternatif-alternatif lain terhadap makna kecantikan dan fesyen. Kelompok Hippies juga antara yang ada dalam kalangan budaya melawan. Berbekalkan semangat daripada mazhab cintanya, maka segala kekerasan yang ada dalam tangan penguasa perlu di lawan. Budaya melawan ini tidak pernah selesai, juga tidak terkecuali daripada apa aspek sekalipun.

Budaya melawan ini bukanlah hal yang baru, dan bukannya hal yang jatuh dari langit menghempap sesuatu kelompok masyarakat. Budaya ini terlahir jauh dalam sejarah penciptaan manusia lagi. Lihat saja pandangan Ali Shariati terhadap tragedi pembunuhan pertama manusia, antara Habil dan Qabil. Pertembungan antara dua manusia (dua anak Adam) ini tidak dilihat sebagai pertembungan antara dua jasad manusia yang berebutkan saudara mereka, Lahuma. Bukan sahaja pertembungan antara manusia yang patuh atau tidak pada ajaran langit. Tetapi pertembungan ini adalah pertembungan antara ideologi, yang diperjelaskan lewat kegiatan ekonomi. Jika menoleh kepada pembinaan peradaban di Eropah pula, terlahirnya zaman Pencerahan juga terhasil dari perlawanan – perlawanan antara kemampuan akal dan kebelengguan agama (institusi gereja). Budaya perlawanan yang diangkat sebagai ideologi juga terpamer dalam Sejarah Dialektika Marx. Marx mengajak kita untuk melihat sejarah sosial masyarakat yang ada ini sebagai proses dialektika – perlawanan

antara kelompok yang tertindas dan kelompok menindas atau dalam masyarakat industri sebagai perlawanan antara proletariat dan borjuasi.

Malangnya, kebelengguan memecahkan kebodohan, sikap non-rasional dan usaha melahirkan manusia moden tidak pernah kunjung selesai. Baik melalui jalan ideologi (liberalisme/sosialisme) mahupun jalan agama (boleh juga dilihat sebagai ideologi). Pencerahan, yang memekikkan kata 'Sapare Aude' ke dalam benak manusia akhirnya melahirkan kebelengguan juga. Kebebasan dan kesejahteraan yang dijanjikan moden akhirnya menggigit kembali kebebasan tersebut. Mengapa?

### **Kebebasan : Manusia Melawan Apa?**

Sebelum kita melompat kepada pertanyaan, 'mengapa kita tak perlu bebas?', perlulah kita melihat apakah hal yang membelenggu. Barangkali, ada antara kita dengan mudah menjawab 'saya sudah bebas'. Maka diskusi ini akan terhenti di sini. Namun tidak salah jika kita melihat fenomena – fenomena yang membelenggu kita, sehari –hari dan bertanyakan kembali, apakah kita perlu kepada kebebasan yang lain? Barangkali juga ada antara kita merasakan dirinya tidak bebas dengan memberikan alasan beragam. Paling senang menuding kepada aktor-aktor yang berdiri sebagai diktator. Contoh jawapan ialah "saya tidak bebas di bawah pemerintahan Barisan Nasional yang zalim" , "saya tidak bebas berada apabila memikirkan US adalah kuasa terbesar dunia" atau "saya tidak bebas apabila industri muzik dimanipulasi syarikat kapitalis/borjuasi". Akibat merasakan ketidakbebasan ini masyarakat bangun melawan. Lalu, aktor yang terlihat sebagai agen kebelengguan diturunkan. Lantas, kebebasan dikecapi oleh masyarakat. Namun, apa yang berlaku ialah akhirnya perlawanan hanya menumbang aktor, tetapi bukan kediktatoran itu sendiri. Contohnya Kejatuhan sistem feodal zaman pemerintahan Tsar hasil revolusi Bolshevik Lenin juga membelenggu masyarakat. Feodal yang dilihat sebagai tirani juga digantikan dengan tirani yang baru, dengan nama yang baru, sosialisme.

Hal ini menunjukkan yang dinyahkan hanya aktor atau simbol, tetapi tidak dengan nilai-nilai kediktatorannya sekali. Kebelengguan tetap tampil dalam bentuk yang baru. Barangkali ada fenomena-fenomena yang boleh diangkat sebagai contoh untuk melihat bagaimana kebelengguan ini berupaya mencengkam benak kita walaupun kita tampil sebagai hero yang

melawan. Hal ini terlihat dalam ‘Determinisme Sejarah’ era Sosialisme saintifik – zaman Marx Tua. Menetapkan perubahan dalam tingkat dialektika daripada perlawanan masyarakat primitif beranjak kepada feudal, demokrasi borjuasi, sosialisme dan seterusnya kepada negara komunis akhirnya membantutkan perubahan kebebasan itu sendiri. Hal ini kerana perlawanan terhadap aktor (simbol) ini digerakkan secara sistematik. Malahan dalam usaha meletakkan perlawanan ini sebagai hal yang sistematik dan usaha untuk memobilisasi massa, maka segala tindakan berasaskan ideologi ini ditarik ke dalam wilayah saintifik, objektif dan bebas kepentingan, kerana kata ‘kepentingan’ ini dilihat ciri negatif yang ada pada aktor yang menjalankan kediktatoran – kepentingan kuasa.

Maka, ideologi perlawanan yang ada sepanjang beradaban manusia ialah ideologi melawan ketidak-rasionalan. Ketidak-rasionalan feudalisme yang meletakkan raja adalah wakil Tuhan, ketidak-rasionalan fasisme yang primordial, ketidak-rasional institusi gereja. Langkah yang diajukan untuk melawan segala macam ketidak-rasionalan ini ditandakan oleh Sapere Aude oleh Immanuel Kant sebagai bapa pencerahan. Juga kata keramat ‘Cogito Ergo Sum’ oleh Rene Descartes sebagai tanda terlahirnya masyarakat moden.

Moden dengan tema yang mengasyikkan – kebebasan, keadilan, hak untuk menentukan nasib, akhirnya membawa manusia kepada kebelengguan dan penindasan dalam bentuk yang lain, yang lebih canggih. Bagaimana? Apabila pengetahuan, cinta, agama, kasih sayang dinilai dalam bentuk saintifik. Kesemuanya dikelompok dan disistemkan dalam bentuk rigid, atas nama rasional. Selain daripada rasional ini adalah salah dan tidak wajar. Dalam bahasa Durkheim, yang tidak rasional itu adalah devians, dalam bahasa Freud pula sebagai ‘*psycho pathology*’. Di atas nama rasional yang menjadi sandaran segala macam ideologi perlawanan ini, semua hal ditentukan. Dan akhirnya, kita sebagai manusia bebas hanyalah seperti nasib yang terlempar. Tidak lagi dapat menentukan apa-apa. Apa-apa itu hanya hal diluar yang diturunkan. Di sinilah kediktatoran hadir dan mencengkam, dalam bentuk yang tiada bentuk, mengawal tubuh manusia hingga ke jiwanya.

## **Apakah Tiada Yang Sedar Kediktatoran Yang Tidak Terlihat?**

Pastinya ada sahaja manusia-manusia resah yang sedar akan kebelengguan-kebelengguan yang ada. Setidaknya terdapat dua nama yang melangkah jauh dalam memahami kebelengguan atas nama rasional dalam masyarakat. Pertamanya ialah Geog Lukasc, aktivis Parti Komunis Hungary. Dalam *magnus opus-nya, History and class consciousness* pada 1923. beliau menolak determinisme ekonomi dari kalangan penganut Marxis ortodoks. Lukasc menekankan peranan kesadaran kelas proletariat sebagai subjek dialektika sejarah. Hal ini mengarahkan Lukacs kepada fenomena superstruktur – pengetahuan dan ideologi. Kritikan Lukacs kepada pengetahuan dan ideologi ini sekaligus memberi kritikan terhadap gerakan Marxisme yang ada pada waktu itu, yang melihat gerakan perlawanan sebagai determinisme dan hanya bersandarkan nombor-nombor dalam ekonomi (nilai matawang, peratus kemiskinan dan fakta-fakta empiris). Lukacs membedah kebelengguan manusia melalui sistem kapitalis yang menjatuhkan manusia kepada benda dengan tea ‘reifikasi’.

Keduanya ialah seorang aktivis Parti Komunis Jerman, Karl Kosch. Dalam buku mahsyurnya, ‘Marxisme and philosophy’ (1923) mengemukakan hakikat Marxisme adalah tafsiran praktis atas kesedaran manusiawi, namun makna ini dilenyapkan oleh tafsiran positivistik atau Marxisme dalam Internasionale II. Kosch cuba membedah sifat-sifat ideologi dan teori (konteks pada waktu itu ideologi borjuis) dengan melihat bahawa praktis adalah hasil daripada kesedaran dalam kalangan masyarakat.

Positivistik yang membarah dalam gerakan Marxisme pada waktu itu tidak lagi berupaya mewujudkan kelas yang kritis, tetapi kelompok masyarakat yang tunduk kepada determinisme ideologi. “Kesedaran sudah ada bagi segalanya, yang perlu ada ialah aksi”, dogmatis beginilah yang cuba dirungkaikan oleh Korsch. Marxisme yang dulunya cuba meruntuhkan berhala feudalisme kini menjadi berhala baru, berhala yang mengusung kata saintifik. Sama seperti ideologi lawannya, kapitalisme, mengusung kata saintifik. Akhirnya perlawanan antara ideologi ini mengukuhkan lagi dominasi saintifik dalam rasional manusia. Memetik kata Hokheimer ‘perlawanan yang ada akhirnya perlawanan dalam sistem, bukannya terhadap sistem’. Perlawanan ini secara tak sedar mengukuhkan lagi kaedah saintifik sebagai satu-satunya alat pengukur kebenaran, termasuk kepada hal-hal metafizik. Perlawanan yang ada ialah perlawanan siapa lebih saintifik. Maka, ideologi yang menggunakan hujah-hujah saintifik untuk mempertahankan kebenarannya langsung menjadi ideologi saintifik – ajarannya bersifat objektif, *ahistoris*, universal dan sistematik berpusat.

Ajaran –ajaran begini langsung dituang ke dalam masyarakat, secara *top-down*. Dan inilah yang digelar oleh kelompok mazhab Frankfurt sebagai rasional instrumental. Rasional instrumental inilah yang menjajah cara pikir kita semua. Bagaimana?

### **Rasional Instrumental Sebagai Diktator**

Harus kita ingat, menindas melalui rasional instrumental yang terdapat dalam masyarakat bukan merupakan keterlemparan nasib yang tidak punya sejarahnya. Rasional instrumental inilah yang membenihkan totalitarianisme, dan ini mempunyai proses-prosesnya. Dalam hal ini, kita perlu melihat bagaimana hubungan pengetahuan dan manusia dalam konteks yang lebih besar, yakni menempatkannya di dalam konteks masyarakat moden yang lebih kompleks.

Selain itu, ada satu fakta lagi. Bahawa di Zaman Moden ini, kritis dilihat tidak lagi mendapat tempat dalam kalangan masyarakat (industri dan pasca industri). Lebih celaknya, yang kritis ini hilang di dalam institusi – institusi yang disandarkan harapannya oleh masyarakat (parti politik, institusi agama, university, negara dll). Kematian yang kritis dalam masyarakat ini telah membenarkan Lukacs terhadap kematian manusia sebagai Manusia, yang ada hanya jasad-jasad yang dibendakan. Ini kerana pengetahuan/ideologi moden ini, tidak lagi menyampaikan hasrat realiti masyarakatnya. Warga masyarakat hanya dilihat sebagai gelas kosong yang hanya menunggu untuk dituangkan 'pengetahuan' sebanyak mungkin. Lalu, 'pengetahuan' itu seakan telah mencapai satu hal yang mutlak dan objektif. Dan, 'pengetahuan' itu tidak dipersoalkan. Manakala, proses yang berlaku pula ialah warga masyarakat hanya menerima dan melalui semua pengalaman mereka, tanpa ada proses mempersoalkan. Jika ada, proses persoalan itu hanya bersifat teknikal dan sekadar mencuit-mencuit sahaja. Bahkan, setiap proses yang berlaku sudah diterima semuanya oleh warga masyarakat sebagai satu hal yang sudah tertanam, tanpa perlu dicurigai lagi. Proses ini mudah. Proses ini hanya menuntut satu kesedaran 'objektif' yang menarik manusia untuk berfikir menurut tuntutan isinya. Melalui sifatnya yang objektif itu lalu membentuk kesedaran warga secara kolektif. Dalam kata lain, inilah yang dinamakan sebagai "ideologi". Langsung dapat difahami, setiap ideologi pastinya bercita-cita untuk mendominasi.

Dalam ruang yang punya dominasi, khususnya di dalam negara, memilih jalan kritis itu bukan tindakan mudah. Sebelum pergi lebih jauh, ada sebuah pertanyaan: apa buktinya bahawa sistem, proses atau apa sahaja yang terdapat dalam masyarakat moden ini memang mengusung dominasinya? Dan, bagaimana dominasi ini boleh ada?

### **Manusia adalah Subjek, Alam adalah Objek**

Untuk menjawab persoalan ini, kita perlu melihat pemahaman tentang rasio instrumental. Maka, kita perlu menoleh ke belakang. Di sini, kita perlu meneroka dahulu Zaman Pencerahan yang mengangkat rasio, dan mendorong kemajuan (progress). Rasio, yang difahami dan diangkat tinggi dari semangat Pencerahan ini, awalnya bertujuan membebaskan manusia dari cengkaman alam (hasil hubungan manusia dengan alam). Ini dilakukan dengan membangunkan satu tatanan politik-sosial, demi untuk kebebasan dan keadilan. Dalam *Dialectic of Enlightenment* (1979), Horkheimer dan Adorno, menjelaskan bahawa Pencerahan bercita-cita untuk membebaskan manusia dari ketakutan dan menjadi tuan atas dirinya sendiri. Waktu Pencerahan ini, tempikkan 'Sapare Aude' bergema, nyaring. Atas nama pengetahuan, Pencerahan ghairah mahu membebaskan dunia dari kuasa yang tidak terlihat (yakni kuasa yang tidak menepati hukum rasional-positivisme). Melalui Pencerahan ini, kata "tuan ke atas dirinya" juga menandakan keberanian manusia untuk meletakkan dirinya sebagai "subjek", dan memahami perkara lain dari apa yang ada di luar dirinya sebagai "objek". Lantas, hubungan manusia dengan alam mula berubah. Manusia tidak lagi ditakluki alam. Sebaliknya, manusia yang menakluk alam. Maka, hubungan manusia dengan alam tidak lagi setara. Alam bukan lagi sahabat. Tapi, kini alam ialah benda yang ditakluki. Alam telah dibendakan dan dimaknakan secara instrumental atas nama tujuan oleh manusia. Dalam istilah Heidegger (2008), yang merupakan antara filsuf yang menanggapi Pencerahan, "objek" ini dikenal sebagai *Zuhandenes*.

Kemudian, apabila manusia terbit kesedaran sebagai subjek yang menentukan takdirnya sendiri, maka alam itu menjadi sebagai benda. Segala yang di luar manusia adalah alam, adalah benda. Dan, di sini alam hanyalah benda bagi manusia mencapai tujuan-tujuannya, yang kononnya untuk kesejahteraan manusia. Dengan meletakkan diri sebagai subjek, manusia cuba menyingkapi rahsia-rahsia alam. Melalui penyingkapan rahsia-rahsia alam inilah, manusia mula memperoleh kenyataan-kenyataan baru. Hutan, udara, pokok, api, haiwan dan sebagainya diperhati dan dicerap. Metodologi dalam usaha memperoleh

pengetahuan baru ini dilakukan dengan menggunakan rasional dan empirisme. Segala kenyataan yang baharu, itu diperoleh dan diyakini sebagai kebenaran, dan itu semua lewat proses saintifik dan dibuktikan secara rasional dan empiris.

Dengan itu, maka lahirlah disiplin sains tabii. Dilthey (2008) misalnya membahagikan pengetahuan kepada dua – (i) sains tabii (atau lebih mudah disebut sains saja) dan (ii) ruhani/budaya. Fizik, Kimia, biologi dan ilmu-ilmu yang mengamati objek-objek alam merupakan jenis pertama. Manakala, gejala kemanusiaan dan kebudayaan ditempatkan pada jenis yang kedua. Jelas, pembahagian ini sudah tentu sekali memerlukan sebilah pisau bedah yang tajam bagi membelah pengetahuan di antara keduanya. Pisau inilah yang dinamakan sebagai Positivisme. Namun, kejayaan sains positivistik yang dapat mengungkap rahsia alam serta menjelaskan gejala-gejala alam dalam metodologi saintifik ini, akhirnya telah menjajah wilayah pengetahuan ruhani/budaya. Ini kerana, sains ini beranggapan bahawa kejayaan yang sama akan diperoleh jika pendekatan terhadap alam ini, turut diterapkan dalam masyarakat. Nah, di sinilah munculnya pisau Positivisme tersebut. Dalam sejarahnya, faham ini pada titik paling ekstrim, ada pada Auguste Comte, Ernst Mach dan para filsuf dari Lingkaran Vienna, atau para neo-Positivis abad ke-20. Menurut F. Budi Hardiman (2003), mereka ini semua mahu menerapkan kaedah penyelidikan ilmu-ilmu alam pada seluruh wilayah kenyataan, termasuk kenyataan sosial.

Sebelum kita melanjutkan bagaimana penjajahan metodologi ilmu sains terhadap ilmu alam, maka kita harus terlebih dahulu memahami beberapa dasar penting dari penyelidikan sains. Pengandaian dasar pertama ialah menempatkan dahulu sesuatu yang ingin dikaji sebagai objek. Tindakan ini sama sebagaimana manusia pencerahan yang mengangkat pesan "cogito ergo sum". Pertama, (i) ini dilakukan dengan menjadikan manusia sebagai subjek-mutlak ke atas alam (objek). Maka, dengan itu, sains juga telah meletakkan alam (bahan kajian) sebagai objek sepenuhnya. Kedua, (ii) manusia harus menghadapi objek kajiannya sebagai fakta yang neutral; datanya mesti objektif, mesti bersih daripada hal-hal yang subjektif seperti nafsu, mimpi, penilaian moral dan sebagainya. Manakala, (iii) ketiganya ialah metodologi sains mampu memanipulasikan objeknya secara eksperimen, bagi menemukan pengetahuan baru. Ini akan dilakukan lewat model 'sebab-akibat' (causality). Sementara, keempat (iv) ialah teori yang dihasilkan mestilah sebuah pengetahuan yang bebas-nilai, bebas-kepentingan, serta dapat diterapkan secara instrumental dan universal.

Ternyata, munculnya Positivisme ini terang-terang mahu meletakkan hukum metodologi

sains kepada sains sosial (budaya/ruhani). Maka, pengandaian dasar (yakni, mengobjekkan, neutral, manipulasi hukum, bebas-kepentingan, universal, instrumental) itu telah menyebabkan pengetahuan tak lagi menjadi alat pembebasan. Tapi adalah sebaliknya. Sebab, peristiwa sosial hanya dapat dianggap sebagai kebenaran apabila telah dapat dibuktikan melalui proses-proses pembuktian sains. Hal-hal yang tidak menepati metodologi sains positivistik ini maka itu tidak akan dianggap sebagai pengetahuan. Secara perlahan-lahan, pendekatan ini telah memamah pengetahuan-pengetahuan yang lain. Yang paling terkesan adalah, hikmah-hikmah yang terkandung dalam agama, perasaan, moral dan sebagainya itu kehilangan autoritinya, atau dalam bahasa Benjamin (2007), kehilangan aura-nya.

### **Manusia adalah Subjek, dan Manusia Yang Lain adalah Objek**

Walau bagaimanapun, dominasi Positivisme ini tidak terhenti pada alam. Sebaliknya, terus menjajah sistem-sistem sosial yang lain, selain sains (tabii). Ketertarikan sistem-sistem sosial terhadap Positivisme ini tentu sekali kerana sosok Positivisme yang kelihatan rasional, serta menepati makna moden. Misalnya, jika melalui sains, teknik pengenalpastian-pengelompokan alam ke dalam jenis-jenisnya ini dianggap kaedah sistematik. Teknik ini tentu memudahkan manusia, serta dapat menjelaskan kenyataan alam. Namun, sedar tanpa sedar, teknik yang sama turut digunakan oleh manusia untuk menundukkan manusia menjadi objek. Manusia dibahagikan kepada kelompok-kelompok untuk menjelaskan lagi fungsi-fungsinya. Hal ini dapat kita lihat melalui pembahagian kerja dalam industri. Manusia hanya bekerja untuk mencapai tujuan industri. Untuk itu, manusia lalu dikelompokkan bagi memudahkan operasi industri. Dengan kategorisasi ini, produk yang terhasil lebih efektif, dan statistik pengeluaran lebih meningkat. Pada ketika itu, manusia industri ini tidak lagi memikirkan apa itu tujuan industri. Manusia industri ini juga tidak mempersoalkan kesan barangan terhadap masyarakat serta mengekspresikan bentuk-bentuk kebaikan dalam barang tersebut terhadap masyarakat. Pokoknya, manusia industri hanya merupakan alat untuk mencapai 'tujuan' yang telah ditentukan awal-awal oleh sekelompok manusia yang menguasai industri tersebut. Maka, manusia industri menjadi manusia teknis, yang dicabut jiwa-jiwanya. Dan, bagaimana manusia industri ini terbentuk? Lewat rasional instrumental.

Manusia teknis, yang dalam jumlah besar akan membentuk masyarakat teknis. Inilah

masyarakat rasional-instrumental. Masyarakat seperti inilah yang membenarkan dominasi berlaku tanpa sadar. Rasional-instrumental ini telah mematikan nilai-nilai kritis yang terdapat dalam diri manusia. Dalam hal ini, kita lihat saja hubungan antara negara dan sistem pendidikan (universiti). Hal ini merupakan contoh yang paling praktis. Negara, sudah tentu mempunyai ideologinya. Tiada negara tanpa idealogi. Maka, dengan idealogi ini, negara mempunyai wawasan yang ingin dicapai. Misalnya, mengambil satu contoh keinginan negara mencapai masyarakat saintifik seperti yang terkandung dalam inti Wawasan 2020. Pertanyaannya: tidakkah masyarakat saintifik ini merupakan wajah lain dari masyarakat teknis? Tidakkah inti Wawasan 2020 akhirnya adalah untuk membentuk masyarakat yang mekanis, yang sangat positivistik, serta yang mengangkat sains melampaui kemanusiaan? Tentu sekali.

### **Lewat Rasional Instrumental, Mitos Lahir Mengukuhkan Konsumerisme**

Rasional instrumental, barangkali suatu kata abstrak yang tidak punya keupayaan mengawal kebebasan manusia, apatah lagi menjarah keberadaan manusia itu sendiri. Namun, melalui perspektif Adorno dan Horkheimer serta teori kritisnya, barangkali dapat kita melihat bagaimana rasional instrumental menentukan hidup kita hari-hari, tanpa sadar dengan penuh kerelaan. Rasional instrumental inilah yang menentukan citra kita sebagai manusia. Iklan misalnya, melalui perlambangan yang ditayangkan dan dicerap masyarakat melalui pancaindera (empirisme) hari-hari hinggan menerima sesebuah kenyataan itu sebagai kebenaran. Iklan, simbol yang ditawarkan secara sistematik berupaya membentuk keberahian masyarakat terarah kepada produk, langsung nilai-nilai atau citra dalam masyarakat ditentukan. Dalam bahasa sepatutnya didominasi.

Situasinya begini, iklan yang dijalankan oleh media (sebagai apparatus ideologi) membentuk nilai abstrak yang ada pada manusia, seperti kebahagiaan. McDonald misalnya, dengan 'hidangan kebahagiaan' (*happy meal*) cuba membentuk makna bahagia lewat daripada iklannya. Prosesnya begini, rasional instrumental yang berjalan dalam proses pengeluaran produk bersifat rasional instrumental, melalui kaedah birokrasi. Pembahagian kerja, teknologi dan simbol yang dibawa oleh *McDonald* secara langsung membawa makna moden. Kaedah birokrasi yang digunakan dalam proses menghasilkan produk juga sudah tentu menghasilkan pengeluaran yang banyak. Maka, membentuk nilai keberahian yang memikat kepada masyarakat itu perlu dilakukan bagi memastikan produknya terjual. Melalui iklannya yang

tidak sekalipun menunjukkan produknya dengan *detail* namun membina fantasi ‘kebahagiann’ ini akhirnya mewujudkan manusia yang seragam dalam memaknai makna ‘kebahagian’. Makna ‘kebahagiaan’ ini akhirnya telah *di-standard-kan* dan punya cirri-cirinya. Maka, usaha untuk menafsirkan sendiri makna kebahagiaan juga bukan lagi di tangan manusia tetapi melalui kawalan media yang mengajukan sebuah rasional yang lain, yang menuntut kepada nilai konsumerisme. Malangnya lagi, hal ini bukan sahaja ada pada syarikat-syarikat kapitalis besar, tetapi bercambah ke dalam cara pikir masyarakat yang punya kecenderungan meragamkan makna-makna abstrak ke dalam diri manusia, melalui rasional instrumental untuk meletakkan sesuatu nilai itu diterima atau tidak melalui kaedah saintifik. Hal ini termasuklah agama.

**Rujukan:**

Adorno, Theodor and Max Horkheimer. 1979. *Dialectic of Enlightenment*. London: Verso.

Benjamin, Walter. 2007. *Illuminations*. New York: Schocken Books.

Georg Lukacs. 1972. *History and Class Consciousness*. The Mit Press.

Hardiman, F. Budi. 2003. *Melampaui Positivisme dan Modernitas*. Yogyakarta: Pustaka Kanisius.

Hardiman, F. Budi. 2009. *Kritik Ideologi menyingkap Pertautan Pengetahuan dan Kepentingan Bersama Jurgen Habermas*. Yogyakarta: Pustaka Kanisius.